

14 AUG 2000

Lee-Lawatan /I

LEE KUAN YEW TIBA DI KL UNTUK LAWATAN KERJA EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew tiba hari ini untuk lawatan kerja empat hari ke Malaysia.

Beliau berlepas dari republik itu dengan kereta awal hari ini melalui Tambak Johor dan menggunakan Lebuh raya Utara Selatan ke Kuala Lumpur.

Yang menyambut ketibaan bekas perdana menteri Singapura itu di Hotel Mandarin, kediaman beliau semasa berada di sini, ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Syed Hamid berkata lawatan itu hanya lawatan kerja untuk Lee kerana tidak ada agenda tetap baginya.

"Bagaimanapun, kami berharap pertemuan dengan Menteri Kewangan (Tun Daim Zainuddin) malam ini dan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) esok akan mencapai keputusan bermakna dan produktif dalam hubungan dua hala kita," katanya.

Syed Hamid berkata lawatan itu merupakan satu lagi petunjuk mengenai perlunya hubungan antara kedua-dua negara berjiran itu diperkukuhkan lagi.

Lee dan rombongan tiba di Tambak Johor pada pukul 1 tengah hari dan menggunakan Lebuhraya Utara Selatan untuk meneruskan perjalanan sejauh 314 km ke Kuala Lumpur.

Dalam perjalanan itu beliau singgah di Resort A'Famosa di Melaka.

Lawatan itu adalah lawatan pertama beliau ke Malaysia sejak melepaskan jawatan Perdana Menteri Singapura pada tahun 1990. Lee menjadi perdana menteri republik itu selama 31 tahun.

Lee dijadual mengunjungi Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi esok.

Lee yang diiringi isteri, Kwa Geok Choo dan 10 pegawai juga dijadual melawat Menara Kembar Petronas, bangunan tertinggi di dunia, Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang dan pusat pentadbiran kerajaan, Putrajaya.

Lawatan beliau juga bertujuan meningkatkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia-Singapura selain meninjau kemajuan Malaysia sejak sedekad yang lalu.

-- BERNAMA

NHA ES LAT